

18 MAR 2001

Mahathir-F1

JUMLAH PENONTON YANG SAKSI F1 TAHUN INI MASIH MEMBANGGAKAN, KATA 20 MAHATHIR

SEPANG, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan jumlah penonton yang membanjiri Litar Antarabangsa Sepang (SIC) untuk menyaksikan Grand Prix Malaysia Petronas tahun ini walaupun jumlahnya menurun berbanding tahun lepas.

"Jumlah penonton masih membanggakan memandangkan hakikat bahawa perlumbaan ini diadakan kurang enam bulan selepas perlumbaan yang lalu," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa perlumbaan tahun depan, yang akan berlangsung dalam tempoh setahun dari sekarang, akan menarik lebih banyak penonton.

Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan bahawa 75,000 penonton menyaksikan perlumbaan itu berbanding 88,000 orang tahun lepas yang diadakan pada Oktober. Penganjur telah menyediakan 90,000 tiket bagi perlumbaan hari ini.

"Saya menjangka penonton menjelang tempoh itu akan cukup ghairah untuk datang ke sini tahun depan. Saya yakin pada tahun depan, lebih banyak orang akan datang," kata beliau.

Dr Mahathir tidak bersetuju dengan pendapat bahawa kekurangan penonton pada tahun ini adalah disebabkan oleh kadar sewa hotel yang tinggi dan kurangnya rakyat asing.

"Saya berpendapat bahawa hotel-hotel telah penuh walaupun kadar sewa yang tinggi. Tetapi saya berpendapat itu bukan sebabnya... Saya fikir perlumbaan itu diadakan dalam tempoh yang singkat selepas perlumbaan yang lepas.

"Itulah sebabnya tidak banyak warga asing berbanding tahun lepas," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata banyak rakyat Malaysia juga datang untuk menyaksikan perlumbaan kerana kebanyakan tempat terbuka dan tempat duduk baru dengan harga tiket RM100 telah penuh.

Dr Mahathir berkata Malaysia semakin dikenali di kalangan dunia luar selepas ia mula menganjurkan F1 pada 1999.

"Saya berpendapat banyak orang mungkin sekarang sudah mengenali Sepang lebih daripada mengenali Malaysia. Ini memang baik... Saya berpendapat lebih banyak orang mengenali Malaysia daripada dahulu sebelum kita menganjurkan perlumbaan F1," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai maklumat balas, Dr Mahathir berkata ramai yang memberi maklumat balas yang positif mengenai Litar Antarabangsa Sepang dan juga cara perlumbaan itu dianjurkan.

"Ini merupakan litar terbaik dan perlumbaan dianjurkan dengan baik. Mereka kagum dan bersedia memberi pandangan positif mengenai Litar Antarabangsa Sepang. Pandangan yang sama diterima pada tahun pertama, lebih banyak pada tahun kedua dan hari ini juga memberi mereka komen yang positif," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia menawarkan insentif bagi memajukan lagi industri sukan bermotor di negara ini.

"Saya berpendapat mereka yang berminat dalam sukan bermotor boleh mengemukakan cadangan dan kerajaan sedia menyokong, memberi galakan dan mungkin memberi insentif.

Dr Mahathir berkata sektor swasta harus memainkan peranan lebih aktif bagi mempromosikan sukan di negara ini terutama sukan bermotor kerana sektor swasta lebih berupaya untuk menanganinya.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada kerajaan akan menubuhkan agensi antara kerajaan bagi mempromosikan sukan seperti F1 di negara ini.

"Saya berpendapat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan berminat untuk bekerjasama dengan penganjur dan mereka yang terbabit dalam sukan bermotor," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyifatkan perlumbaan tahun ini sebagai cukup menarik.

"Buat kali pertama, mereka dapat merasai keadaan cuaca yang sebenarnya di Malaysia diselubungi hujan...Saya berpendapat ini adalah pengalaman baru bagi mereka (kerana mulanya mereka mengadu cuaca terlalu panas). Jadi, perlumbaan amat menarik," kata beliau.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai siaran langsung TV3 yang mulanya dikatakan siaran langsung tertunda.

Beliau berkata penganjur berbuat demikian untuk menarik lebih banyak orang datang ke Litar Antarabangsa Sepan bagi menyaksikan perlumbaan.

-- BERNAMA

RV AKT FAZ